

03/03/1998

Tidak jejas Asean: PM (HL)

Kamal Ahmad; Kadir Dikoh; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Isnin - Tindakan Malaysia menghantar pulang pendatang asing tanpa izin dan mengetatkan kawalan di sepanjang sempadan negara ini, tidak akan menjejaskan semangat setiakawan Asean, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, dalam perbincangan dengan pemimpin Asean, mereka berpendapat Malaysia mempunyai hak untuk menghantar pekerja asing pulang ke negara asal.

Menurutnya, pendatang tanpa izin masuk ke negara ini kerana mereka menghadapi masalah di negara masing-masing. Bagaimanapun, Malaysia juga mempunyai masalah dan tidak dapat memberi layanan kepada mereka.

"Kita tidak boleh (terima pendatang tanpa izin), kalau kita boleh kita bagi pertolongan. Kalau kita tidak mampu macam mana kita hendak tolong. Dengan itu kita terpaksa hantar balik. Ini tidak jejas semangat Asean.

"Kalau kita boleh tolong mereka memulihkan ekonomi, dengan sendiri ia akan mengurangkan penghijrahan rakyat mereka ke negara ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi pertama Dialog Perkongsian Bestari Kebangsaan (NSPD) yang pertama, di sini hari ini.

Dialog dua hari anjuran Kumpulan Kerajaan-Industri Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) bertema 'Memulihkan Ekonomi Menerusi Perkongsian Bestari' itu, dihadiri lebih 300 pemimpin kerajaan, sektor swasta dan kesatuan sekerja.

Minggu lalu, Dr Mahathir membincangkan masalah penghijrahan pendatang dari negara yang teruk dilanda masalah ekonomi itu dengan Sultan Brunei ketika Sultan Hassanah Bolkuiah mengadakan lawatan sehari ke sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, pula Sabtu lalu mengarahkan semua anggota polis tugas am di balai polis di sempadan Malaysia-Thailand dan sepanjang pantai Barat supaya membantu tugas mengawal kemasukan pendatang tanpa izin di sempadan.

Arahan itu dikeluarkan berikutan tiada tanda menunjukkan kemasukan mereka berkurangan pada masa depan.

Dalam tempoh 13 hari sejak 12 Februari lalu, seramai 3,026 pendatang tanpa izin dikesan mendarat di perairan pantai barat Malaysia.

Mengenai pelaburan dari Taiwan, Dr Mahathir berkata, kejatuhan nilai ringgit menyebabkan Malaysia memerlukan pelaburan asing, termasuk dari Taiwan yang selama ini banyak melabur di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan meneruskan dasar 'Satu China' walaupun pada masa yang sama tetap meneruskan hubungan dengan Taiwan.

Mengenai masalah KL-PRT yang dilaporkan menghadapi masalah kewangan untuk menyiapkan projek sebelum Sukan Komanwel September ini, Dr Mahathir berkata, perkara itu boleh diselesaikan kerana syarikat berkenaan boleh meminjam daripada bank.

"Ketika ini, bank mempunyai wang dan saya difahamkan kadar faedahnya sudah turun. Jadi, mereka boleh meminjam wang dan meneruskan projek mereka," katanya.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai boikot ayam yang dianjurkan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) dan Cuepacs berkata, alasan menaikkan harga itu agak jelas berikutan banyak ladang ternakan ayam yang terpaksa ditutup kerana mengalami kerugian.

Bagaimanapun, ada juga yang rugi tetapi masih bersedia untuk meneruskan kegiatan itu kerana berharap ekonomi akan kembali pulih, katanya.

(END)